

Raja Azam

berjaya atas kata-kata hikmah

Oleh Nor Afzan Mohamad Yusof

SESUNGGUHNYA rezeki yang melimpah ruah bukan untuk dinikmati sendirian, sebaliknya dikongsi bersama. Bukankah itu nikmatnya lebih dan adakah tangan lain yang lebih berkat berbanding tangan yang menghulur?

Usahawan wanita Raja Azam Baeizah Raja Mokhtar memegang kata hikmah bahawa dalam setiap rezeki diperoleh, ada hak orang lain di dalamnya dan tidak boleh menikmatinya sendiri.

Katanya apabila menyatakan walau apa pun orang beranggapan mengenai orang Melayu, (termasuk orang Melayu sendiri) beliau menyangkal dakwaan itu dan hingga kini berbangga memiliki sekumpulan jentera yang hebat terdiri dari orang Melayu.

"Saya pernah mendengar segelintir orang Melayu menyatakan kalau mengambil orang Melayu sebagai pekerja, sukar untuk maju tetap yang mengeluarkan kata sedemikian siapa? Bagi saya tidak. Selagi kita mampu membentuk mereka, nescaya ia tidak berlaku. Lagi pun Allah tidak mengubah seseorang itu melainkan ia mengubah dirinya sendiri," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer, Universiti of Missouri, Amerika Syarikat, Raja Azam berkata sebelum bertekad membuka perniagaan sendiri, beliau pernah bekerja dengan sebuah syarikat swasta sebelum mengambil Skim Pemisahan Sukarela (VSS) pada 1999 lantas menjalankan perniagaan memberi perkhidmatan dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi - Matrix Open Solutions Sdn Bhd.

"Masa mula merangkak dulu adalah cabaran besar kerana kala itu syarikat baru mengorak nama. Saya bermula daripada kecil dan berpejabat di rumah sebelum berpindah ke premis perniagaan di Kampung Pandan.

"Hampir setahun juga baru dapat projek dengan bantuan rakan namun saya lakukan mengikut proses biasa iaitu kertas cadangan dan temuduga. Saya percaya tiada jalan singkat mengukir nama. Namun kini Alhamdulillah, masa untuk saya tenang sedikit, dan menumpukan urusan kerja dan keluarga dengan lebih seimbang.

"Kalau dulu memang suamilah yang bantu melihat anak-anak. Siang malam kerja tetapi kini lebih mendamaikan. Apatah lagi anak buah saya semuanya hebat-hebat belaka dan amat membantu membangun bersama saya," katanya.

Anak sulung daripada empat beradik ini sebenarnya dari kecil lagi sudah menyimpan cita-cita membuka perniagaan



RAJA Azam ingin melihat bangsa Melayu berjaya dan dihormati.

sendiri kerana ingat pesanan nenek yang membesarkannya untuk membantu orang lain sekiranya diri berada dalam keadaan sempurna.

"Saya meminati untuk menguruskan perniagaan sejak kecil lagi. Saya percaya perniagaan adalah satu-satunya pekerjaan yang mulia yang digalakkan dalam Islam. Ia adalah satu-satunya kerjaya yang dapat mencungkil *full potential* saya.

"Saya juga beranggapan menjalankan perniagaan adalah sebahagian daripada ibadah dengan secara tidak langsung saya dapat melakukan beberapa perkara seperti menyediakan pekerjaan kepada masyarakat; mendidik pekerja supaya menjadi seorang yang berdedikasi, profesional dan berkualiti; menambahkan ilmu pengetahuan secara berterusan; menyelesaikan masalah pelanggan serta membuat keba-jikan yang termampu," katanya.

Namun kekuatan dan semangat itu tidak berdiri sendiri kerana keluarga serta rakan banyak membantunya berdiri kuat kini apatah lagi Presiden Persatuan Wanita Bumiputera Dalam Perniagaan dan Profesion Malaysia (Peniagaawati), Hazimah Zainuddin menjadi idolanya mengukir kejayaannya itu.

Dalam kerja sosial, selain menyertai Peniagaawati, beliau turut menjawab Timbalan Presiden Rangkaian Usahawan Wanita Malaysia (Wena). Katanya, menyertai persatuan banyak membantu usahawan membina rangkaian perniagaan selain bertukar-tukar fikiran dengan individu berkecimpung dalam dunia perniagaan.

"Sebagai manusia kita tidak boleh sombong, itu yang selalu saya ingatkan

diri sendiri. Walaupun kita rasa diri sudah selesai, ia tidak kekal kerana ia mungkin dugaan Allah kepada umat.

"Hingga kini Alhamdulillah saya belum pernah berhadapan masalah besar hingga menimbulkan darurat dalam diri. Mungkin sebab saya pastikan rakan niaga adalah orang yang saya boleh percayai. Saya percaya dengan sikap yang jujur dan ikhlas, Allah akan jauhkan kita daripada manusia yang mempunyai sikap hasad dengki," katanya.

Sebagai ibu kepada cahaya mata berusia antara lapan hingga 13 tahun, beliau berharap agar prinsip hidupnya itu terpahat kukuh dalam diri permata hatinya untuk terus menyemai perkara baik dan berbakti kepada masyarakat dewasa kelak.

Menyentuh mengenai masa depan, beliau berkata melihat syarikat berkembang baik adalah adalah impiannya. Nyata wanita ini boleh tersenyum lebar apabila mampu membina empayar perniagaan ke luar negara seperti Pakistan serta Indonesia.

Namun itu tidak boleh menyebabkannya alpa sebaliknya pada masa sama beliau masih seperti baru bertatih. Menuntut ilmu, berusaha, kreatif dalam mencipta produk yang bermutu dan perkhidmatan yang berkualiti adalah perkara yang perlu tidak boleh dianggap ringan.

Sebagai kata-kata akhir untuk usahawan wanita, Raja Azam berpesan; "Bergembira apabila rakan-rakan maju dalam bidang kerjaya mereka kerana ia adalah satu doa dan ia akan kembali kepada diri kita walaupun kita tidak tahu bila ia akan terjadi."